



IMBASAN PERFUSI MIOKARDIUM

PENDIDIKAN PESAKIT



Imbasan Perfusi Miokardium

Apakah Itu Imbasan Perfusi Miokardium?



Imbasan perfusi miokardium digunakan untuk menilai tahap aliran darah (bekalan oksigen) ke tisu jantung. Ia menunjukkan sejauh mana jantung anda berfungsi dengan baik dalam mengepam darah, dan membantu dalam pengesanan penyakit arteri koronari.

Adakah Saya Perlu Membuat Persediaan Untuk Imbasan Ini?



Ya. Anda perlu berbincang dengan doktor utama anda mengenai ubat-ubatan yang mungkin memperlambatkan kadar denyutan jantung atau jika anda mempunyai perentak jantung (pacemaker). **Merokok, pengambilan kopi, teh, minuman berkarbonat, coklat dan kafein adalah dilarang** sehari sebelum imbasan. Anda juga perlu berpuasa sekurang-kurangnya 4 jam dan membawa makanan berlemak untuk dimakan pada hari janji temu anda.

Anda perlu memaklumkan kepada kakitangan kami jika anda:



Sedang mengambil sebarang ubat



Mempunyai alahan atau keadaan perubatan lain seperti diabetes, asma dan sebagainya



Mempunyai klaustrofobia (takut berada di ruang sempit)



Disyaki hamil atau sedang menyusukan anak

Bagaimanakah Imbasan Perfusi Miokardium Dilakukan?

1

Imbasan perfusi miokardium yang lengkap biasanya terdiri daripada dua bahagian, iaitu ujian tekanan (stress test) dan ujian rehat (rest test). Kedua-dua ujian ini boleh dilakukan pada hari yang sama. Apabila anda tiba untuk janji temu anda, kakitangan jabatan kami akan menerangkan keseluruhan proses kepada anda.

2

Imbasan perfusi miokardium tekanan menilai aliran darah ke otot jantung apabila ia berada dalam keadaan tertekan. Anda akan diberi ubat untuk menekan jantung, yang akan meningkatkan kadar denyutan jantung anda atau mengembangkan salur darah anda, sama seperti ketika anda bersenam.

3

Apabila bahan pengesan radioaktif telah disuntik dan beredar di seluruh badan anda, pengimbas akan berputar di sekeliling anda dan mengambil imej jantung semasa tekanan dan kemudian semasa rehat. Kedua-dua set imej ini akan dibandingkan.

Risiko Imbasan Perfusi Miokardium


- ✔ Jarum yang digunakan untuk memasukkan garisan intravena mungkin menyebabkan sedikit kesakitan.
- ✔ Anda mungkin mengalami sedikit kesakitan di tempat suntikan.
- ✔ Ubat tekanan mungkin menyebabkan perasaan cemas, pening, loya, sesak nafas atau sakit dada untuk sementara waktu.
- ✔ Suntikan mengandungi sejumlah kecil bahan pengesan radioaktif yang memancarkan radiasi. Walau bagaimanapun, imbasan ini hanya melibatkan jumlah radiasi yang sangat kecil. Doktor yang merujuk anda akan mengesyorkan imbasan ini hanya jika risiko tidak melakukannya lebih besar daripada risiko ujian itu sendiri.

Selepas Imbasan



Minum banyak air dan kosongkan pundi kencing anda dengan kerap selama **24 hingga 48 jam** selepas imbasan. Ini akan membantu menyingkirkan baki bahan pengesan radioaktif dari badan anda.

Sila jaga jarak sekurang-kurangnya **1 meter** daripada kanak-kanak dan wanita hamil sepanjang hari ini untuk mengelakkan pendedahan radiasi yang tidak perlu.



Laporan Doktor Perubatan Nuklear akan disediakan tidak lama selepas imbasan, tetapi ia mungkin mengambil sedikit masa sebelum boleh diambil atau dihantar kepada doktor rujukan anda. Biasanya, ia boleh didapati pada akhir hari tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:

+603-7494 1017

+603-7491 1483

smc@sunway.com.my

Pusat Perubatan Nuklear terletak di:
Basement, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat

8.30am - 5.30pm

Sabtu

8.30am - 12.30pm

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum